

14 AUG 2002

Hadi-Takzir

TAKZIR: KERAJAAN PAS T'GANU SEDIA BERBINCANG DENGAN PUSAT

KUALA TERENGGANU, 14 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Pas Terengganu tetap akan melaksanakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) yang berkuat kuasa di negeri ini mulai 1 Ogos lepas, kata Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Beliau berkata pelaksanaan undang-undang Syariah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan negeri mempunyai hak untuk meneruskan penguatkuasaan enakmen itu.

Katanya kandungan enakmen itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana ia merupakan undang-undang syariah yang sama dengan yang diguna pakai oleh negeri lain.

Bagaimanapun beliau berkata kerajaan negeri sedia berbincang dengan kerajaan pusat berkaitan pelaksanaan undang-undang itu sekiranya ada perkara yang dianggap bertentangan dengan peruntukan perlembagaan Persekutuan.

Abdul Hadi menyatakan demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesuarat mingguan Exco kerajaan negeri hari ini.

Beliau ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan persekutuan akan mengambil tindakan terhadap kerajaan Pas Terengganu jika ia menyalahi mana-mana undang-undang berkaitan pelaksanaan enakmen itu.

Abdul Hadi juga berkata Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sepatutnya memainkan peranan untuk memberi penerangan kepada kerajaan pusat mengenai enakmen itu supaya semua pihak memahami kandungannya.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) yang diluluskan Ogos tahun lepas antara lain menjadikan perbuatan mengkafirkan umat Islam sebagai satu kesalahan dan boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjarakan sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Antara kesalahan lain mengikut enakmen itu ialah mengganggu perhimpunan atau upacara agama, mendakwa diri sebagai rasul atau nabi atau imam Mahadi, mempersendakan ayat Quran atau hadis, melakukan persetubuhan dengan bukan manusia, khalwat, memutarbelitkan ajaran dan hukum-hakam agama Islam dan mengganggu perempuan di tempat awam.

-- BERNAMA

MRA SN NMO